

DASAR ISLAMISASI  
KERAJAAN ANGKATAN PERPADUAN UMMAH (APU)  
DI NEGERI KELANTAN  
1990-1995

OLEH:

MOHD ZULKIFLI HJ ZAKARIA  
919704548

FAUZILAH BT SALLEH  
91506402

Kertas Projek Yang Dikemukakan kepada  
Kajian Pentadbiran Dan Undang-Undang  
Institut Teknologi MARA, Cawangan Kelantan  
Untuk Memenuhi Sebahagian Dari Syarat-Syarat Untuk  
Memperolehi Diploma Pentadbiran Awam

Mei 1995

**PENGHARGAAN**

Bismillahirrahmanirrahim.

Kami merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada mereka yang terlibat secara langsung, mahupun secara tidak langsung yang telah memberikan kerjasama seperti membekalkan maklumat-maklumat, sumber-sumber, data-data, memberikan pandangan serta pendapat dan sebagainya di dalam penyediaan dan penyiapan kertas projek ini.

Kami dengan sukacitanya merakamkan juga setinggi-tinggi penghargaan ini kepada Encik Mohd Nor bin Shapiin, Penyelaras Kertas projek, yang telah memberi sepenuh tunjukajar dan bimbingan serta nasihat.

Juga buat kedua ibu-bapa, isteri, suami, anak-anak dan teman setia di atas pengorbanan, semangat dan dorongan yang dicurahkan kepada kami akan dikenang sepanjang hayat.

Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih kepada Menteri Besar, Timbalan-Timbalan Menteri Besar, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Pegawai Setiausaha Kerajaan Negeri, Pegawai Kewangan Negeri, Penasihat Undang-Undang Negeri dan Speaker Dewan Undangan Negeri.

Akhir sekali ucapan terima kasih kepada orang ramai yang telah sudi meluangkan masa untuk ditemubual serta menjawab soalan-soalan yang kami kemukakan.

Tanpa kerjasama dari semua pihak yang terlibat diatas sudah tentu kertas projek ini tidak dapat disiapkan dengan sempurna. Allah jua yang akan membalas budi baik tersebut.

## SENARAI JADUAL

Bahagian Majalah dan  
Perkhidmatan Pembaca

Mukasurat

JADUAL 1	: Keluasan Kawasan Dan Kepadatan Penduduk Kelantan 1990	40
JADUAL 2	: Kaum Mengikut Pecahan Penduduk Kelantan 1990	40
JADUAL 3	: Kemudahan Infrastruktur Mengikut Perangkaan 1988	42
JADUAL 4	: Kemudahan Pendidikan Dan Kesihatan	42
JADUAL 4A	: Perangkaan Kawasan Pertanian 1988	43
JADUAL 5	: Analisa Dasar Islamisasi Kerajaan Angkatan Perpaduan Ummah	145
JADUAL 6	: Analisa Dasar Islamisasi Kerajaan Perpaduan Ummah Mengikut Lokaliti	146
JADUAL 7	: Analisa Dasar Islamisasi Kerajaan Perpaduan Ummah Mengikut Kaum	146
JADUAL 8	: Analisa Dasar Islamisasi Kerajaan Perpaduan Ummah Mengikut Profession	148
JADUAL 9	: Analisa Dasar Islamisasi Dari Aspek Pentadbiran Kerajaan APU Mengikut Lokaliti	150

BAB 1  
PENGENALAN

Bahagian Majalah dan  
Perkhidmatan Pembaca

Kertas projek ini akan membincangkan aspek-aspek umum dari proses pembangunan yang ada kaitannya dengan perubahan sosio-politik yang berlaku di Kelantan selepas pentadbiran negeri diambilalih oleh Angkatan Perpaduan Ummah. Dari satu segi perubahan yang berlaku bukanlah sesuatu yang radikal dalam ertikata ianya telah menawarkan satu alternatif yang benar-benar asing kepada struktur pentadbiran dan perundangan yang sedia wujud. Walau bagaimanapun pihak pentadbiran negeri telah mengemukakan satu bentuk reformasi pentadbiran yang berteraskan Islam yang agak menyeluruh.

Kuasa autonomi negeri yang diperuntukkan di bawah perlembagaan persekutuan telah digunakan secara maksima untuk merealisasikan cita-cita menjadikan Islam sebagai cara hidup (Addin). Disebabkan pembaharuan-pembaharuan yang dikemukakan bukanlah sesuatu yang radikal, tetapi berbeza, ianya telah juga mencetuskan konflik dengan struktur yang sedia ada. Kemampuan pihak kerajaan negeri menangani masalah-masalah yang timbul dibantu oleh dua faktor penting; **keazaman politik (political will)** yang tinggi dipihak kepimpinan politik dan masyarakat Kelantan yang bersifat homogen dan mempunyai **tradisi keagamaan (Islam)** yang kuat.